

Najib mahu pelaburan beri manfaat kepada 10 juta pemegang unit amanah bumiputera

# EkuiNAS agih RM500 juta kepada PNB

Oleh JOHANNA A. SOBREY  
johanna.sobrey@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Yayasan Ekuiti Nasional mengagihkan sebanyak RM500 juta daripada keuntungan Ekuiti Nasional Berhad (EkuiNAS) kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Pengerusi Yayasan EkuiNAS berkata, pengagihan dana itu bertujuan memberi manfaat kepada masyarakat Bumiputera yang memiliki unit amanah diurus Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Beliau berkata, pengagihan itu akan disimpan dan dilaburkan oleh PNB bagi memastikan jumlahnya berkembang dan dapat dinikmati lebih 10 juta pemegang unit amanah secara mapan.

"PNB dipilih kerana ia merupakan platform paling sesuai memandangkan lebih 10 juta kaum bumiputera kini memiliki unit amanah yang diuruskan institusi tersebut.



NAJIB (tengah) bersama Muhyiddin (kiri) dan Ahmad Husni (kanan) menyaksikan Arshad (dua dari kiri) menyerahkan replika keuntungan EkuiNAS kepada Hamad Kama Piah (dua dari kanan) pada majlis Pengagihan Keuntungan EkuiNAS menerusi PNB di Parlimen semalam.

"Pengagihan yang diterima PNB pula akan digunakan untuk disimpan dan membuat pelaburan lanjut supaya ia terus berkembang dan boleh dinikmati pemegang unit bumiputera pada jangka masa panjang," katanya pada majlis Pengagihan Keuntungan EkuiNAS Menerusi PNB di Parlimen semalam.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Pengerusi EkuiNAS, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Najib menambah, pemilihan



NAJIB (depan tengah) mendengar penerangan daripada Pengarah Eksekutif Bioalpha, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir (depan dua dari kiri) pada majlis perasmian Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik di Universiti Malaya semalam.

PNB juga selaras dengan perannya sebagai penaung yang bertanggungjawab memelihara dan mengembangkan ekuiti serta kekayaan kaum bumiputera.

Sejak ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 2009, EkuiNAS setakat ini telah membuat sebanyak 30 pelaburan dalam syarikat-syarikat berpotensi

tinggi tempatan pada jumlah lebih RM2.3 bilion.

Najib sebelum itu turut merasmikan program Persidangan Tenaga Untuk Esok diikuti Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2014 di sini semalam.